**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**
**AHAD 24 OKTOBER 2021**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9.<br>10.<br>11.<br>12.<br>13. | KENAIKAN HARGA BARANG BUKAN DISEBABKAN KEKURANGAN STOK, NEGERI, SH-29<br>DUA KEMENTERIAN TANGANI ISU KENAIKAN HARGA BARANG, NEGARA, KOSMO-7<br>DUA KEMENTERIAN BINCANG ISU HARGA MAKANAN NAIK, DALAM NEGERI,MINGGUAN MALAYSIA-4<br>MAFI NAFI BERLAKU PENYELEWENGAN BENIH PADI DI KEDAH, PERLIS, NASIONAL, BH-4<br>ASPIRASI, OBJEKTIF DAN 2.0 KE ARAH PEMODENAN SEKTOR AGROMAKANAN, BH-10<br>DAN 2.0 PACU SEKTOR AGRO MAKANAN, NASIONAL, SH-12<br>INDUSTRI TENUSU BERPOTENSI DIKEMBANGKAN, NASIONAL, SH-12<br>MAFI NAFI SELEWENG PUNCA BENIH TAK CUKUP, NEGARA, KOSMO AHAD-15<br>RONALD KIANDEE : AGRICULTURE PRODUCTS EXPORT TO SINGAPORE UP 44 PER CENT,NATION CHINA PRESS-A5<br>MINISTRY TO DISCUSS ON MEASURES CURBING WITH FOOD PRICE, NATION, CHINA PRESS-A5<br>LEWAT AGIH BENIH PADI DISEBABKAN PERMINTAAN TINGGI TERHADAP MR 297, NEWS, UTUSAN BORNEO SARAWAK-14<br>PERKASA SEKTOR AGRO MAKANAN DAN PERTANIAN, BERITA NASIONAL,RTM1<br>KIANDEE : PADI SEED PROBLEM BEING ADRESS, THE STAR-ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 14. | JPV LARANG GUNA 6 ANTIBIOTIK DALAM MAKANAN HAIWAN, NASIONAL, BH-5 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 15.<br>16. | BELURAN TAMU TO BE UPGRADED NEXT MAY, THE BORNEO POST-ONLINE<br>BELURAN TAMU TO BE UPGRADED NEXT MAY,HOME, THE SUNDAY POST-3 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 17. | BELURAN FARMERS, RESIDENTS RECEIVED AID, THE BORNEO POST, ONLINE | PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS) |
| 18.<br>19.<br>20. | PINJAMAN MUDAH BANTU STABILKAN HARGA AYAM, NASIONAL, BH-8<br>KEPUASAN USAHAWAN CILI FERTIGASI, XPRESI, METRO AHAD-42&43<br>KINI MILIKI 46 KOLAM TERNAKAN IKAN, NEGARA, KOSMO-16 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/10/2021 | SINAR HARIAN | NEGERI | 29 |

# Kenaikan harga barang bukan disebabkan kekurangan stok

**JOHOR BAHRU** - Kenaikan harga barang yang dilaporkan sejak kebelakangan ini bukan disebabkan kekurangan bekalan sebaliknya stok makanan sentiasa konsisten dan melebihi permintaan walaupun negara berdepan pandemik Covid-19.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, kementerian itu sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi memastikan harga makanan stabil.

Menurutnya, dalam tempoh pandemik juga dilaporkan berlaku lambakan sayur, tembikai dan nanas.

"Kerjasama dengan KPDNHEP penting bagi mengawal kenaikan harga produk makanan. Sebagai contoh MAFI mengadakan perbincangan dengan KPDNHEP berhubung langkah menangani kenaikan harga ayam yang melebihi RM10 sekilogram pada September lalu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas sidang video MAFI bersama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura, Datuk Dr Azfar Mohammad Mustafa di Pejabat Lembaga Permasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Johor di sini pada Sabtu.

Sebelum itu beliau mengadakan lawatan ke Pasar Tani Datin Halimah, Jalan Padu Kawasan Perindustrian Tampoi.



Ronald (dua dari kiri) melihat hasil pertanian yang dijual di Pasar Tani Jalan Datin Halimah, Johor Bahru pada Sabtu.

Pada Sabtu, media melaporkan aktiviti rentas negeri sejak 11 Oktober lalu menyebabkan harga kebanyakan barang membabitkan makanan dan binaan meningkat 15 hingga 50 peratus.

Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Dr Jacob George berkata, peningkatan tersebut dikesan berdasarkan kajian mereka di seluruh negara khasnya di kawasan pelancongan.

Sementara itu ketika mengulas mengenai Bajet 2022 untuk MAFI, kementerian akan memfokuskan kepada pemulihan sektor agro makanan.

"Peruntukan ini penting bagi membangunkan semula pengusaha kecil sektor agro makanan supaya mereka dapat membangunkan semula ekonomi dan perusahaan yang terganggu akibat pandemik Covid-19.

"Perkara ini dicadangkan kepada Kementerian Kewangan dalam bajet yang akan dibentangkan hujung bulan ini," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/10/2021 | KOSMO | NEGARA | 7 |

# Dua kementerian tangani isu kenaikan harga barang

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM

**JOHOR BAHRU** – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berhubung isu kenaikan harga barangan makanan yang dilaporkan baru-baru ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, kerjasama antara kedua-dua kementerian ini dilihat dapat mengawal harga produk makanan di negara ini.

Katanya, perbincangan yang turut melibatkan penggiat industri itu perlu diadakan bagi mengesan punca masalah itu berlaku selain mencari jalan penyelesaian agar pengguna tidak lagi terkesan.

Jelasnya, perbincangan bersama KPDNHEP itu penting kerana kementerian itu yang dipertanggungjawabkan menetapkan harga siling dan memantau harga barangan makanan di seluruh negara.



RONALD (dua dari kiri) melihat produk makanan keluaran FAMA di Pejabat FAMA, Johor Bahru semalam.

"Hasil kerjasama bersama KPDNHEP ini membuahkan hasil pada bulan lalu ketika harga ayam melebihi harga siling. Masalah kenaikan harga barangan kawalan itu telah berjaya dikawal.

"Kita mempunyai ruang perbincangan bersama untuk melihat masalah kenaikan harga produk makanan buat masa ini," katanya pada sidang akhbar di Pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Johor, di sini semalam.

Terdahulu, Ronald membuat tinjauan ke Pasar Tani Datin Halimah di Larkin sebelum meninjau Aktiviti Rantaian Pengeksportan Produk Pertanian Segar Malaysia Ke Singapura di FAMA Johor.

Turut hadir ialah Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Samsolbari Jamali dan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.

Sebelum ini media melaporkan harga hampir semua barang membabitkan makanan dan binaan meningkat antara 15 hingga 50 peratus sebaik aktiviti rentas negeri dibuka pada 11 Oktober lalu.

Kenaikan itu mungkin disebabkan peniaga mahu meraih keuntungan segera semula selepas beberapa bulan tidak beroperasi disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.



24 OCT, 2021

## Dua kementerian bincang isu harga makanan naik

Mingguan Malaysia, Malaysia



# Dua kementerian bincang isu harga makanan naik

Oleh **MOHAMAD FAIZAL HASHIM**
utusannews@mediamulia.com.my

**JOHOR BAHRU:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam mengawal kenaikan harga makanan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, perbincangan yang turut melibatkan penggiat industri itu perlu diadakan bagi mengesan punca kenaikan harga berlaku selain mencari jalan penyelesaian agar pengguna tidak lagi terkesan.

Jelasnya, perbincangan bersama KPDNHEP itu penting kerana kementerian itu yang dipertanggungjawab menetapkan harga siling dan memantau harga barangan makanan di seluruh negara.

"Kerjasama dengan KPDNHEP membuahkan hasil pada bulan lalu ketika harga ayam melebihi harga siling dan masalah kenaikan harga barangan kawalan itu berjaya dikawal," katanya dalam sidang akhbar di Pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Johor, di sini semalam.

*Utusan Malaysia* semalam melaporkan, Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Dr. Jacob George berkata, harga hampir semua barang membabitkan makanan dan binaan meningkat antara 15 hingga 50 peratus sebaik aktiviti rentas negeri dibuka pada 11 Oktober lalu.

Ujar beliau, dari segi makanan, peningkatan tersebut dikesan berdasarkan kajian CASSA di seluruh negara khasnya di kawasan-kawasan pelancongan yang tidak menolak kemungkinan perkara itu berlaku disebabkan orang ramai khususnya peniaga yang mahu meraih semula kewangan mereka selama tidak dibenarkan beroperasi sebelum ini.

Ditanya sama ada faktor kekurangan bekalan menyebabkan harga barangan naik, Ronald menafikan perkara tersebut menjadi faktor kepada perkara itu berlaku.

"Dari segi bekalan, saya tak rasa ada masalah dilaporkan. Walaupun negara berdepan pandemik Covid-19, kita tidak pernah hadapi masalah kekurangan bekalan malah ada tempat yang berlaku lambakan," katanya.

Terdahulu, beliau membuat tinjauan ke Pasar Tani Datin Halimah di Larkin sebelum meninjau Aktiviti Rantaian Pengeksportan Produk Pertanian Segar Malaysia Ke Singapura di FAMA Johor.

Turut hadir ialah Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Samsolbari Jamali dan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.



RONALD Kiandee (dua dari kiri) melihat produk makanan keluaran FAMA sempena tinjauan Aktiviti Rantaian Pengeksportan Produk Pertanian Segar Malaysia ke Singapura di Pejabat FAMA, Johor Bahru, semalam. - MINGGUAN/RAJA JAAFAR ALI

isentia

AUTHOR: Mohamad Faizal Hashim SECTION: DLM NEGERI PAGE: 4 PRINTED SIZE: 482.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 23,033.00 ITEM ID: MY0045729794



24 OCT, 2021

# Dua kementerian bincang isu harga makanan naik

Mingguan Malaysia, Malaysia



## SUMMARIES

Utusannews@mediamulia.com.my JOHOR BAHRU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam mengawal kenaikan harga makanan. Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, perbincangan yang turut melibatkan penggiat industri itu perlu diadakan bagi mengesan punca kenaikan harga berlaku selain mencari jalan penyelesaiar agar pengguna tidak lagi terkesan.

isentia
AUTHOR: Mohamed Farid Noh SECTION: NASIONAL PAGE: 4 PRINTED SIZE: 504.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 16,753.00 ITEM ID: MY0045728712



24 OCT, 2021

MAFI nafi berlaku penyelewengan benih padi di Kedah, Perlis

Berita Harian Ahad, Malaysia



# MAFI nafi berlaku penyelewengan benih padi di Kedah, Perlis

## Kementerian perjelas hanya kurang bekalan MR 297 diminta pesawah

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

**Johor Bahru:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menafikan berlaku penyelewengan benih padi sehingga menjejaskan jadual tanaman lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata masalah yang berlaku di dua negeri itu disebabkan pesawah mahukan padi jenis MR 297 dan bekalan tidak mencukupi musim ini berikutan permintaan tinggi.

"Isu yang berlaku itu tidak serius seperti musim lalu. Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras bersama agensi lain sudah mengambil tindakan perlu bagi mengatasi masalah yang dihadapi pesawah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas sesi sidang video dengan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura bagi memperkasa eksport agromakanan ke Singapura, di FAMA Negeri Johor, di sini, semalam.

Selasa lalu, media melaporkan Badan Bertindak Petani MADA mendakwa sekali lagi berlaku kelewatan proses pengagihan benih padi kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sehingga menjejaskan jadual penanaman membabitkan lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis.

Pengerusinya, Che Ani Mat Zain, mendakwa pihaknya kecewa apabila masalah pengagihan benih padi masih berterusan sejak tiga tahun kebelakangan ini, selain tiada penyelesaian diambil kerajaan melalui MAFI.



*Che Ani Mat Zain*

Pada masa sama, Ronald berkata, penetapan harga siling RM35 bagi setiap beg ditetapkan bagi benih padi sah (BPS) yang diambil kementerian Februari lalu, mengurangkan isu penyelewengan atau manipulasi benih padi.

Beliau berkata, penyelewengan benih padi ada berlaku sebelum ini, namun isu itu sentiasa dibaiki, termasuk dengan penetapan harga siling BPS, selain penahanan beberapa individu yang memanipulasi dan menyeleweng benih padi oleh Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras.

Selain itu, Ronald berkata, harga barang makanan tidak sepatutnya dinaikkan ketika ini berikutan stok makanan negara kini melebihi permintaan

Malah, beliau berkata, berlaku lambakan produk makanan membabitkan sayuran, selain tembikai dan nanas, sekali gus menafikan faktor kekurangan bekalan menyebabkan harga barangan makanan naik.

Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Dr Jacob George, sebelum ini dilaporkan berkata, harga hampir semua barang membabitkan makanan dan binaan meningkat antara 15 hingga 50 peratus sebaik aktiviti rentas negeri dibuka pada 11 Oktober lalu.

Mengulas mengenai Bajet 2022, Ronald berkata, MAFI akan memfokuskan pada penambahan peruntukan bagi membangunkan semula pengusaha kecil sektor agromakanan negara.

Katanya, ia membabitkan penternak, nelayan, peladang dan petani kecil supaya mereka dapat membangunkan semula ekonomi serta perusahaan dalam sektor agromakanan yang terjejas akibat wabak COVID-19.

isentia
AUTHOR: Mohamed Farid Noh SECTION: NASIONAL PAGE: 4 PRINTED SIZE: 504.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 16,753.00 ITEM ID: MY0045728712



24 OCT, 2021

# MAFI nafi berlaku penyelewengan benih padi di Kedah, Perlis

Berita Harian Ahad, Malaysia






*Ronald (kiri) melihat produk FAMA untuk sumbangan MAFI Prihatin ketika lawatan kerja beliau ke FAMA Johor, di Larkin, semalam.* (Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

isentia
AUTHOR: Mohamed Farid Noh SECTION: NASIONAL PAGE: 4 PRINTED SIZE: 504.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 16,753.00 ITEM ID: MY0045728712



24 OCT, 2021

# MAFI nafi berlaku penyelewengan benih padi di Kedah, Perlis

Berita Harian Ahad, Malaysia



## SUMMARIES

Kementerian perjelas hanya kurang bekalan MR 297 diminta pesawah

farid_noh@bh.com.my Johor Bahru: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menafikan berlaku penyelewengan benih padi sehingga menjejaskan jadual tanaman lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis. Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata masalah yang berlaku di dua negeri itu disebabkan pesawah mahukan padi jenis MR 297 dan bekalan tidak mencukupi musim ini berikutan permintaan tinggi."Isu yang berlaku itu tidak serius seperti musim lalu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/10/2021 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 12 |

# DAN 2.0 pacu sektor agromakanan

Fokus aspek sekuriti makanan, pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI

SHAH ALAM

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menjadikan agenda utama kerajaan dalam memberi jaminan terhadap keselamatan bekalan makanan negara bagi memastikan ia bukan sahaja mencukupi, malah mampu dimiliki, selamat dan berkualiti.



RONALD

Menterinya, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, pemodenan sektor agromakanan juga akan turut dipacu melalui adaptasi mekanisasi dan teknologi bagi meningkatkan sumbangan sektor pertanian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Ia seiring perkembangan teknologi baharu dalam era digitalisasi dan adaptasi Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0) serta peranan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) yang diberi penekanan dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) 2021-2025," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Ronald berkata, usaha itu bagi meningkatkan produktiviti, sistem sokongan dan perkhidmatan serta memperkasa rantaian nilai makanan yang secara langsung menyumbang kepada kelestarian sistem makanan.

Menurutnya, seiring dengan usaha itu, Majlis Pelancaran Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Isnin ini di Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Kuala Lumpur.

Sementara itu, Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, DAN 2.0 merupakan dasar agromakanan baharu bagi menggantikan Dasar Agromakanan Negara 2011-2020 yang telah tamat tempoh pada 2020.

"Terdapat enam objektif utama pelaksanaan DAN 2.0 yang bertujuan meningkatkan pertumbuhan pendapatan dan kualiti hidup lebih baik bagi pengeluar makanan serta meningkatkan output pengeluaran dan kualiti pemakanan melalui peningkatan produktiviti," kata beliau.

Mengulas lanjut, jelas Haslina, penggubalan DAN 2.0 adalah perlu dengan mengambil kira isu sekuriti makanan melibatkan daya saing dan kemampanan berlandaskan prinsip serta teras WKB 2030 dan Agenda Pembangunan Mampan 2030 (SDG 2030) termasuk RMK12 serta RMK13 bagi menjayakan transformasi dan pemodenan sektor agromakanan.

"DAN 2.0 diharap akan dijadikan panduan utama dalam pembangunan sektor agromakanan negara oleh kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) khususnya dalam usaha memodenkan sektor agromakanan serta meningkatkan sekuriti makanan negara," kata Haslina.



DAN 2.0 bakal meningkatkan pertumbuhan pendapatan dan kualiti hidup yang lebih baik kepada pengusaha pertanian.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/10/2021 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 12 |

# Industri tenusu berpotensi dikembangkan

**SHAH ALAM** - Industri tenusu berpotensi untuk dikembangkan bagi menjamin bekalan makanan dalam negara dan mengurangkan kebergantungan produk import.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam satu kenyataan pada Jumaat berkata, pada tahun 2020, penggunaan susu dalam negara adalah sebanyak **69.4 juta liter** setahun.

"Industri tenusu tempatan hanya mampu mengeluarkan 43.3 juta liter setahun walaupun telah menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2015 (36.4 juta liter).

"Negara masih perlu mengimport 26.1 juta liter tenusu dari luar negara. Di bawah Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) tahap sara diri (SSL) susu segar disasarkan 100 peratus menjelang 2030 berbanding 62.4 peratus pada 2020.

"Bagi mencapai sasaran tersebut, MAFI melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah memperkenalkan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tenusu Negara (Dairy Plan) 2021-2025," jelas kenyataan itu.

Menurut MAFI lagi, usaha tersebut perlu mendapat sokongan dan kerjasama pihak pemain industri ke arah pembangunan industri tenusu yang lebih berdaya maju.

Sementara itu, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI, Datuk Badrul Hisham Mohd berkata, jalinan kerjasama MAFI dengan Farm Fresh Bhd (Farm Fresh) adalah untuk meningkatkan pengeluaran susu dan memasarkan kepada pengguna melalui pelbagai platform.

"Hasil kerjasama strategik bersama Farm Fresh telah berjaya mewujudkan peluang pekerjaan dengan melahirkan seramai 45 stokis, 832 homedealers dan 1,302 ejen di seluruh Malaysia serta Singapura," kata beliau.



Badrul Hisham (kanan) menerima simbolik susu keluaran Farm Fresh daripada Pengasas The Holstein Milk Company, Lai Tuan Ee di Genting Highlands baru-baru ini. Hadir sama, Pengarah Operasi The Holstein Milk Company Sdn Bhd, Azmi Zainal (kiri).

isentia
AUTHOR: Mohamad Faizal Hashim SECTION: SEMASA PAGE: 15 PRINTED SIZE: 392.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 10,212.00 ITEM ID: MY0045730177



24 OCT, 2021

MAFI nafi seleweng punca benih tak cukup

Kosmo Ahad, Malaysia



# MAFI nafi seleweng punca benih tak cukup

**Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM**

**JOHOR BAHRU** – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyangkal dakwaan berlakunya penyelewengan pembekalan benih padi sehingga menjejaskan jadual tanaman lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, masalah itu berpunca daripada permintaan tinggi varieti padi MR297 sehingga menyebabkan tidak mencukupi pada musim ini.

Menurutnya, Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras dan agensi berkaitan sudah mengambil tindakan bagi mengatasi masalah tersebut.

"Isu benih padi yang dilaporkan di Kedah dan Perlis tidak seserius seperti musim lalu dan ia lebih kepada isu varieti padi yang dikehendaki pesawah.

"Kementerian sudah ambil langkah perlu dan isu ini perlu diambil tindakan segera bagi mengelakkan masalah lebih besar dihadapi pesawah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas sesi sidang video bersama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura bagi memperkasa eksport agromakanan ke Singapura di Pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Johor di sini semalam.



Rayu benih padi diedar ikut jadual

KERATAN *Kosmo!* 20 Oktober 2021.

Pada Rabu lalu, Jabatan Pertanian memberi jaminan benih padi mencukupi bagi keperluan pesawah melaksanakan penanaman musim 2/2021 melibatkan kawasan seluas 520,000 hektar di Semenanjung.

Sehingga 10 Oktober lalu, sebanyak 52,922.5 tan metrik benih padi sedang dalam proses pengesahan dan jumlah itu mencukupi untuk keperluan mengikut jadual penanaman di Kedah dan Perlis hingga akhir November ini.

Mengulas lanjut, Ronald berkata, penetapan harga siling RM35 bagi setiap beg ditetapkan Benih Padi Sah (BPS) pada Februari lalu telah mengurangkan isu penyelewengan benih padi.

"Kita tidak nafikan sebelum ini berlaku penyelewengan benih padi, namun isu itu bukan baharu dan sentiasa diperbaiki termasuk penetapan harga siling.

"Langkah ini dapat mengurangkan isu penyelewengan, jadi tiada ruang untuk manipulasi," ujarnya.

Akhbar sebelum ini melaporkan Badan Bertindak Petani di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda mendakwa berlaku kelewatan proses pengagihan benih padi kepada Pertubuhan Peladang Kawasan sehingga menjejaskan jadual penanaman melibatkan lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis.

Pengerusinya, Che Ani Mat Zain menjelaskan pihaknya kecewa apabila masalah pengagihan benih padi masih berterusan sejak tiga tahun kebelakangan ini, selain tiada penyelesaian diambil kerajaan melalui kementerian berkaitan.



**PERMINTAAN tinggi benih padi varieti MR297 dikatakan punca tidak mencukupi sehingga menjejaskan jadual penanaman di Kedah dan Perlis pada musim ini.**

isentia
AUTHOR: Mohamad Faizal Hashim SECTION: SEMASA PAGE: 15 PRINTED SIZE: 392.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 10,212.00 ITEM ID: MY0045730177



24 OCT, 2021

# MAFI nafi seleweng punca benih tak cukup

Kosmo Ahad, Malaysia



## SUMMARIES

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM JOHOR BAHRU - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyangkal dakwaan berlakunya penyelewengan pembekalan benih padi sehingga menjejaskan jadual tanaman lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis. Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, masalah itu berpunca daripada permintaan tinggi varieti padi MR297 sehingga menyebabkan tidak mencukupi pada musim ini.Menurutnya, Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras dan agensi berkaitan sudah mengambil tindakan bagi mengatasi masalah tersebut.

isentia
AUTHOR: No author available SECTION: NATION PAGE: A5 PRINTED SIZE: 213.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 4,202.00 ITEM ID: MY0045729758



24 OCT, 2021

# Ronald Kiandee : Agriculture products export to Singapore up 44 per cent

China Press, Malaysia



## 農產品出口新國增44%

### 羅納建迪：不受管制令影響



■罗纳建迪（左3）检视出口到新加坡的香蕉，及各类农产品。

（新山23日讯）农产品出口量不受行动管制令影响，自今年1月至今，我国出口高达34亿8000万令吉的蔬菜、水果等农产品到新加坡，交易达30万8000次，比去年同期增长44%。

农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪指出，我国于去年出口高达36万4012吨农产品到新加坡，于前年则出口27万9218吨的农产品。

“农产品出口交易量也从前年的5万6610次，增长至去年的12万5151次。”

罗纳建迪昨午巡视新山苏丹依斯干达大厦的农产品进出口情况后，发文告如是指出。

“预测到了今年尾，我国农产品出口交易将持续上升至15%。”

罗纳建迪透露，截至今年9月30日，马来西亚检疫及检验服务局（MAQIS）已在苏丹依斯干达大厦侦破37起未持准证之下进出口农产品的案件，涉及的农产品总值135万令吉，比去年截获的120万令吉农产品多出了15万令吉。

### 偵破37非法活動

他指出，农业及食品工业部将通过大马检疫及检验服务局，持续监督我国农产品的进出口活动，为食品安全把关，以防我国农业和畜牧业受到外来病毒感染风险。

出席者包括联邦农业销售局（FAMA）总监拿督再纳阿比丁，以及马来西亚检疫及检验服务局总监由苏阿吾。

AUTHOR: No author available SECTION: NATION PAGE: A5 PRINTED SIZE: 213.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 4,202.00 ITEM ID: MY0045729758



24 OCT, 2021

# Ronald Kiandee : Agriculture products export to Singapore up 44 per cent

China Press, Malaysia



## SUMMARIES

羅納建迪：不受管制"P響ILL产农类各及荏1香勺AHH坡漸到•出视检\1/3左迪建内仝一罗(新山23曰讯）农产品｜出口量不受行动管制令影'响，自今年1月至今，我国出口高达34亿8000万令吉的蔬菜、水果等农产品到新加坡，交易达30万8000次，比去年同期增长447。。农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪指出，我国于去年出口高达36万4012吨农产品到新加坡，于前年则出口27万92'8吨白勺农产品。

isentia
AUTHOR: No author available SECTION: NATION PAGE: A5 PRINTED SIZE: 303.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 5,977.00 ITEM ID: MY0045729779



24 OCT, 2021

# Ministry to discuss on measures curbing with food price

China Press, Malaysia



## 農業部將與貿消部對話
# 探討控制食品價

（新山23日讯）针对疫情期间，国内市场的食品售价持续上涨问题，农业及食品工业部将与贸消部对话，探讨如何控制食品价格。

农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪指出，就监督食品定价（harga syiling）与控制价格方面，该部与贸消部的合作显得极具重要，以上个月的肉鸡售价调涨课题为例，经过双方合作后已经受控制。

罗南建迪今日到访柔佛州联邦农业销售局（FAMA），与马来西亚驻新加坡最高专员署视讯交流了解农产品出口新加坡的现况后，这么指出。

### 爭取增加撥款

另外，他披露，有鉴于疫情影响农业生产者的经济，农业及食品工业部有意在2022年财政预算案增加拨款，帮助农业生产者重振经济。

他说，渔民、稻农、微型农产商等饱受疫情影响，因此该部有意争取增加拨款，以协助些群体恢复经济。

惟他指出，一切还得视财政部的能力范围。

另一方面，联邦农业销售局总监拿督再纳阿比丁指出，目前当局共有368间分行在标准作业程序下恢复运作，预计可迎来高达1亿2200万令吉销量，让1万2131名商家受惠。




■罗南建迪（左）协助将食品搬上货卡；右2为再纳阿比丁。

## 出口新國農產品供應穩定

过去5年，我国出口至新加坡的农产品供应稳定，维持在1%至6%增长率。

罗南建迪指出，去年虽受疫情影响，但出产量高达69亿令吉，比前年增长2.5%。

"而在去年，我国共有超过33万吨的农产品出口至新加坡，供应了18%新加坡食品市场。"

他预计农产业将在2025年，可贡献高达7%的国内生产总值。

另一方面，针对北马有50万名稻农申诉遭拖欠派发稻种是否涉及滥权因素，罗南建迪回应，稻种派发拖欠问题一直都存在，该部向来都有在这方面采取严厉行动，包括为吉打州稻种库存短缺问题寻找解决方案。

"我们必须尽速采取行动，包括为稻种定价为每袋35令吉上限，以防价格暴涨，同时保护消费市场。"



24 OCT, 2021

# Ministry to discuss on measures curbing with food price

China Press, Malaysia



## SUMMARIES

農業部將與貿消部_ 纖j |
邏品債(新山23日讯）针对疫情期间，国内市场的食品售价持续上涨问题，农业及食品工业部将与贸消部对话，探讨如何控制食品价格。农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪指出， 就监督食品定价（ h a r g asy i l i n g）与控制价格方面，
该部与贸消部的合作显得极具重要，以上个月的肉鸡售价调涨课题为例，经过双方合作后已经受控制。罗南建迪今日到访柔佛州
邦农业

isentia

AUTHOR: Bernama SECTION: NEWS PAGE: 14 PRINTED SIZE: 247.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 1,841.00 ITEM ID: MY0045729195



24 OCT, 2021

Lewat agih benih padi disebabkan permintaan tinggi terhadap MR 297

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



# Lewat agih benih padi disebabkan permintaan tinggi terhadap MR 297

## Penetapan harga siling BPS berjaya kurangkan isu penyelewengan benih padi

**JOHOR BAHRU: Masalah kelewatan pengagihan benih padi di Kedah dan Perlis hingga didakwa menjejaskan lebih 50,000 pesawah di dua negeri itu bukan disebabkan penyelewengan, sebaliknya berpunca daripada permintaan tinggi terhadap varieti benih padi MR 297 yang tidak mencukupi.**

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, tindakan kerajaan menetapkan harga siling RM35 bagi setiap beg Benih Padi Sah (BPS), selain penahanan beberapa individu, telah berjaya mengurangkan isu penyelewengan atau manipulasi benih padi.

"Isu ini tidak seserius seperti musim lalu dan ia lebih kepada isu varieti padi yang dikehendaki pesawah terhadap padi MR 297, sehingga menyebabkan ia tidak mencukupi pada musim ini, namun Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras bersama agensi dan kementerian, sudah mengambil tindakan.

> "Ia perlu diambil tindakan dan penyelesaian segera untuk elak masalah lebih besar dihadapi pesawah."
>
> Datuk Seri Dr Ronald Kiandee
> Menteri Pertanian dan Industri Makanan

"Ia perlu diambil tindakan dan penyelesaian segera untuk elak masalah lebih besar dihadapi pesawah," katanya kepada pemberita selepas sesi sidang video dengan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura bagi memperkasa eksport agromakanan ke Singapura, di Pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Johor, semalam.

Untuk rekod, varieti benih padi MARDI SIRAJ (MR) 297 yang diisytihar pada tahun 2016 mendapat sambutan baik oleh pesawah, dan dianggarkan sebanyak 43.2 peratus pesawah di Semenanjung Malaysia menggunakan varieti itu.

Pada Rabu lepas, media melaporkan Jabatan Pertanian memberi jaminan benih padi mencukupi bagi keperluan pesawah melaksanakan penanaman musim 2/2021 di kawasan seluas 520,000 hektar di Semenanjung.

Jabatan itu memaklumkan, berdasarkan data hingga 10 Okt lalu, sebanyak 52,922.5 tan metrik benih padi sedang dalam proses pengesahan.

Ia susulan kenyataan Pengerusi Badan Bertindak Petani MADA Che Ani Mat Zain pada Selasa, mendakwa sekali lagi berlaku kelewatan proses pengagihan benih padi kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), sehingga menjejaskan jadual penanaman membabitkan lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis.



RONALD

Dalam perkembangan lain, Ronald berkata pihaknya akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan pemain industri berhubung isu kenaikan harga barangan makanan yang dilaporkan baru-baru ini.

Beliau berkata, perbincangan itu perlu bagi mengesan punca masalah berkenaan berlaku selain mencari jalan penyelesaian agar pengguna tidak lagi terkesan sekali gus dapat mengawal harga produk makanan di negara ini.

Mengulas mengenai Bajet 2022 yang dijangka dibentangkan pada Jumaat depan di Dewan Rakyat, Ronald berharap peruntukan buat kementeriannya akan memfokuskan kepada pemulihan sektor agromakanan yang terjejas ekoran pandemik COVID-19.

Bajet 2022 dijangka dibentangkan oleh Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz. -- Bernama



24 OCT, 2021

# Lewat agih benih padi disebabkan permintaan tinggi terhadap MR 297

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



## SUMMARIES

Lewat agih benih padi disebabkan . . . .. .. , , „ n . A . permintaan tinggi terhadap MR 297 I J rtW A + ^ —\ L^ " W A I —\ / - i I I / - g D H C I r \ I T I - M I X I I I/» /M I / —» 1 / ^ Penetapan harga siling BPS berjaya kurangkan il sul • peA MnAl yle/\ lle/ Mwtf e/ Mn g« a—»n bL- Ve nil hUv 1p/^ ayd-J i• JOHOR BAHRU: Masalah kelewatan pengagihan benih padi di Kedah dan Perlis hinggadidakwamenjejaskan lebih 50,000 pesawah di dua negeri itu bukan disebabkan penyelewengan, sebaliknya berpun...

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/10/2021 | RTM 1 | BERITA NASIONAL | |

## PERKASA SEKTOR AGRO MAKANAN DAN PERTANIAN



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/10/2021 | THE STAR | ONLINE | |

# Kiandee: Padi seed problem being addressed

**JOHOR BHARU:** The mechanism for padi seed distribution to farmers nationwide will be further improved to avoid delays, says Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

